

Date: 20/10/2020

Tuan / Puan,

PERUNDINGAN PIHAK BERKEPENTINGAN BERKENAAN PENSIJILAN TAHUNAN MSPO BAGI MPOB – SPOC S21 SUKAU

MPOB – SPOC S21 Sukau, sebuah syarikat perladangan Malaysia memohon pihak kami, TUV NORD Malaysia Sdn Bhd untuk menjalankan aktiviti audit untuk pensijilan berdasarkan maklumat di bawah :-

Butiran Syarikat	<p>MPOB – SPOC S21 Sukau</p> <p>En. Mohd Faizal Bin Ambosudin</p> <p>En. Shahril Amri bin Amrun</p> <p>Blok F, Lot 12, Tingkat 1, Bangunan Perkasa Realty Sdn Bhd, 90200 Kinabatangan, Sabah.</p> <p>+6089-551388/386 (Office)</p> <p>mohdfaizal@mpob.gov.my</p> <p>shahril.amri@mpob.gov.my</p>
-------------------------	---

Ringkasan Informasi Syarikat Pemohon

MPOB – SPOC S21 Sukau adalah cabang Lembaga Minyak Sawit Malaysia yang menguruskan lokasi pekebun kecil di sekitar kawasan Kinabatangan mempunyai lebih kurang 434 pekebun kecil.

PENGUSAHA KECILAN DALAM PENILAIAN INI

Nama Kumpulan	Alamat	Jumlah Pekebun Kecil
SPOC S21 Sukau	Blok F, Lot 12, Tingkat 1, Bangunan Perkasa Realty Sdn Bhd, 90200 Kinabatangan, Sabah.	432

Butiran penilaian pematuhan diatas akan dijalankan mengikut standard MSPO yang di nyatakan dibawah

Standard

- MS 2530-2:2013 Prinsip Asas Untuk Pekebun Kilang Kecil Persendirian

Perundingan dengan pihak berkepentingan adalah bahagian yang terpenting dalam proses pensijilan. Dalam perkara ini, pihak berkepentingan yang berkenaan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak kerajaan, jabatan kerajaan dan juga penduduk tempatan untuk memberi pandangan dan

pendapat sama ada pemohon pensijilan mematuhi keperluan kriteria yang tertakluk dalam standard.

Surat ini bertujuan menjemput semua pihak berkepentingan terlibat dalam procedure konsultasi kerana maklum balas membolehkan pihak kami membuat keputusan pensijilan yang positive. Kami menjemput anda untuk menyuarakan sebaran maklum balas secara bertulis, dalam 603-86004031 / 4032, fax: +603-8600 4550 atau secara email (sustainability@tuv-nord.com) kepada TUV NORD Malaysia Sdn Bhd yang tertera dibawah.

Pihak Berkepentingan boleh memberi aduan atau rungutan kepada unit pengurusan yang berkenaan dengan mengikuti prosedur TUV NORD Malaysia Sdn Bhd (<https://www.tuv-nord.com/my/en/our-services/sustainability/>). Semua sumber apa-apa maklumat yang diberikan akan sulit kepada CB. Sebarang pendedahan maklumat yang diberikan hendaklah dijalankan terlebih dahulu daripada persetujuan pihak berkepentingan yang berkenaan. Salinan standard MSPO boleh didapati dari pautan ini (<https://www.mpocc.org.my/>).

Sila gunakan perkara dibawah sebagai panduan semasa memberi maklum balas :

- Perlindungan Persekitaran
- Pemuliharaan kepelbagaian Biologi
- Peluang Pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan
- Pendekatan syarikat dalam aperkembangan masyarakat
- Mengambil Bahagian Dalam Membuat Keputusan
- Isu-isu yang lain, baik positif atau negatif yang, anda rasa relevan kepada penilaian
- Isu-isu yang berkaitan dengan ladang-ladang lain yang dimiliki oleh syarikat ini, yang tidak termasuk dalam proses penilaian ini

Activiti penilaian pematuhan akan dijalankan pada:

Tarikh audit : 23/11/2020
 Tarikh Akhir : 27/11/2020
 Jumlah Hari : 5
 Jumlah Auditor : 2

Maklumat pasukan audit dalam pensijilan:

PENTAKSIR UTAMA (KETUA PASUKAN)

Ketua Pasukan - Mohd Nur Amin Bin Mohd Halim

Beliau akan mengetuai audit MSPO untuk Transparensi, Ekonomi, Kewangan, Amalan Baik, Biodiversiti dan Penanaman Semula

PASUKAN AUDIT

Ariff Bin Lokman

Beliau akan mengaudit MSPO dari segi sosial dan persekitaran.

Sebarang maklum balas yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan diberi pertimbangan sewaktu proses audit pensijilan dijalankan. Sila nyatakan maklumat anda di dalam kotak bawah untuk membolehkan pihak kami menghubungi anda (sekiranya perlu) untuk mendapat penjelasan berkenaan isu yang dibangkitkan.

Nama	
Alamat	
E-mel	
No Telefon	

Ringkasan Isu yang Dibangkitkan.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas penyertaan dan maklum balas anda.

Yang benar,



Navin Baskram
Pengurus Skim MSPO